

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi terima kasih ingin kumpulan penyelidik “Remaja, dadah dan HIV/AIDS: Punca jangkitan dan hak” rakamkan kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan khususnya Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) di atas penganugerahan dana penyelidikan ini. Kami juga amat berbesar hati dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah IPPBM kerana memberi kepercayaan kepada kami untuk melakukan kajian ini. Sekalung penghargaan ditujukan khusus kepada Ketua Pegawai Eksekutif IPPBM, Dato Prof. Madya Abdul Halim Sidek kerana telah memberi sokongan dan kerjasama yang amat baik kepada kami sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Kami juga tidak lupa untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh pegawai dan kaki tangan IPPBM yang turut membantu kami dalam menjayakan kajian ini seperti Aishah, Hani dan Mastura.

Penghargaan juga diberikan kepada semua pengarah AADK, kaki tangan Pusat Serenti, pegawai kesihatan, pegawai kebajikan masyarakat, pegawai penjara dan pegawai polis dan ibu bapa di Johor, Kelantan, Selangor, Perlis, Melaka dan Negeri Sembilan yang telah memberi kerjasama baik semasa kerja lapangan.

Seterusnya kepada semua responden, informan dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini. Tidak lupa juga kami ucapkan kepada semua pembantu penyelidik yang telah bertungkus lumus menolong kami menyiapkan kajian ini.

Akhir kata rakaman terima kasih yang tidak terhingga juga kami tujukan kepada UKM kerana membenarkan dan mengiktiraf kajian ini. Semua budi baik dan pertolongan yang diholorkan amat kami hargai. Bantuan kalian dalam apa bentuk sekalipun akan kami kenangan sehingga ke akhir hayat.

Semoga kalian diberkati, dirahmati dan sentiasa berada dalam lindungan ALLAH.

Kumpulan Penyelidik Remaja, Dadah dan HIV/AIDS  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
22 November 2009

## SINOPSIS

Remaja merupakan aset negara yang amat penting. Penglibatan mereka dengan dadah dan seterusnya dijangkiti HIV/AIDS amat membimbangkan semua pihak. Ibu bapa bukan sahaja kehilangan sokongan sosial, ekonomi dan emosi dihari tua tetapi di masa yang sama terpaksa menjaga anak yang sakit AIDS dan/atau cucu yang yatim piatu kerana AIDS. Kajian ini dijalankan untuk melihat punca penglibatan remaja dengan dadah dan seterusnya jangkitan HIV/AIDS serta hak mereka sebagai pesakit AIDS. Kajian yang menggunakan kaedah survei dan temu bual ini di lakukan di pusat serenti di negeri Johor, Kelantan, Perlis, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor. Semua remaja yang berada di semua pusat serenti di negeri-negeri tersebut dijadikan responden bagi mencukupkan jumlah responden yang ditargetkan, iaitu 200 orang. Temu bual dilakukan dengan 44 orang informan yang HIV positif. Persoalan yang cuba diungkap melalui kajian ini ialah kenapa hanya sesetengah penagih sahaja yang dijangkiti HIV bukan semua. Apakah punca sosial yang berkaitan dengan jangkitan tersebut.

Kajian ini mendapati bahawa remaja terlibat dengan dadah dan seterusnya dijangkiti HIV ini terdiri daripada mereka yang datang daripada keluarga miskin, tidak mempunyai matlamat hidup, motivasi rendah, tidak faham tujuan mendapat pendidikan, pengetahuan agama kurang dan mempunyai ibu bapa yang tidak ambil kisah tentang kegiatan, kawan dan tempat mereka lepak kerana mereka sendiri sibuk bekerja dan ada juga yang menagih.

Sebagai penagih dadah, remaja ini juga terlibat dengan hubungan seks di luar perkahwinan, pasangan rambang serta mengamalkan hubungan seks yang tidak selamat. Penglibatan mereka dengan hubungan seks ini juga berkaitan dengan jenis dadah yang mereka ambil, iaitu dadah sintetik. Sebilangan kecil mereka terlibat dengan jenayah. Golongan remaja ini menimbulkan masalah kepada ibu bapa, masyarakat dan juga negara. Kematian mereka di tahap umur muda boleh mempengaruhi demografi penduduk di masa depan.

## ABSTRACT

According to psychologist, teenagers are those who are between the age of 10 to 22 years old but some categories them as between the age of 10 to 24 years. In the USA teenagers are from thirteen to nineteen years of age. They are often said to be a group of persons with problematic characteristics. They are said to be mischievous, rebellious, irresponsible and generally enjoy anything with high risks. At this stage they also undergo physical and emotional changes and had to balance between what they feel and what others said about them. These processes are one of the most difficult challenges in their life and as such they need support and understanding from those around them. All these risk factors have lead teenagers to be more exposed to drug addictions which may lead to HIV/AIDS. Many teenagers who have been infected by HIV take a longer time to get a diagnosis because of their vulnerability and their inability to make a decision on their health status. In this research the respondents are teenagers aged between 13-25 years old. The objective of this research are as follows:

- a. To investigate the socio-cultural and economic sources that may have influenced teenagers to become a drug addicts.
- b. To investigate the method of which teenagers who are drugs abuser become infected by HIV/AIDS
- c. To understand why only some drug abusers or addicts are infected by HIV
- d. To highlight the problems faced by teenagers who are drug addicts and infected by HIV
- e. To understand their rights to be given protection, medication and the importance of confidentiality of their health records.

The methodology employed in this research is a combination of positivist and interpretive method where survey as well as in-depth interviews were being conducted. 200 respondents answered questions from the surveys whereas a number of respondents were handpicked for the interviews. The quantitative data are being analyzed through the univariate, bivariate and multivariate approaches. Research was conducted at Pusat Serenti di the state of Perlis, Selangor, Johor, Melaka, Negeri Sembilan and Kelantan.